



PESERTA bengkel mengadakan perbincangan.

20 pegawai Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS sertai Bengkel Pembangunan Diri

UB 06-03-2012 B7

KOTA KINABALU: Bahagian Perumahan dan Kebajikan Pelajar (BPKP), Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan Bengkel Neuro-Linguistic Programming (NLP) : Pembangunan Diri & Organisasi Siri 1/2012 pada 22 Februari lalu di Bilik Seminar, Anjung Siswa UMS.

Bengkel sehari itu telah disertai 20 peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai Bahagian Perumahan dan Kebajikan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS.

Pada umumnya, Neuro-Linguistic Programming (NLP) adalah merupakan satu kaedah untuk memahami bagaimana minda beroperasi dan kemudiannya mempengaruhi tingkah laku dan prestasi seseorang.

Penolong Pendaftar Kanan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS, Masri Judah berkata antara objektif pelaksanaan bengkel ini ialah untuk mengatasi faktor-faktor yang menghalang perkembangan diri peserta, mengenali diri dan orang sekeliling dalam membentuk hubungan erat dan harmoni sesama individu, keluarga, rakan sekerja dan masyarakat.

Selain itu, untuk membina cara fikir yang positif, keyakinan diri, harga diri dan semangat kekeluargaan dan merasai keperluan untuk mengatur diri dalam usaha memperoleh kejayaan melalui cara fikir yang terbaik.

“Bengkel itu untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam hubungan peribadi, sesama individu dan ahli keluarga,” katanya.

Pelaksanaan bengkel ini juga merupakan antara sasaran Bahagian Perumahan dan Kebajikan Pelajar dalam memenuhi keperluan “Key Performance Indicator” jabatan yang telah ditetapkan bagi tahun 2012.

Bengkel ini telah dikendalikan oleh dua orang penceramah yang berpengalaman di dalam NLP iaitu Timbalan Pendaftar Kanan merangkap Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS, Kapten Darwis Awang dan Masri Judah yang merupakan “NLP Master Practitioner” dan “Hypnotherapy” bertaualiah di dalam NLP. Masri berkata pelaksanaan bengkel itu akan diteruskan pada masa akan datang dengan kaedah dan pendekatan yang berbeza untuk memastikan kualiti latihan, kemahiran serta pengetahuan pegawai-pegawai BPKP sentiasa berada pada tahap yang terbaik demi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan utama UMS iaitu mahasiswa.

Menurutnya, Bengkel NLP Siri 2/2012 akan diadakan di UMS Kampus Antarabangsa Labuan manakala Siri 3/2012 akan diadakan di UMS Kampus Lestari, Sandakan.

Dalam ucapan penutupannya, Darwis berharap agar segala pengetahuan asas berhubung NLP yang telah dipelajari sepanjang bengkel itu akan memberikan impak positif kepada semua pegawai BPKP dalam memikul tugas, amanah dan tanggungjawab yang diberikan oleh pihak pengurusan universiti serta dalam kehidupan seharian.